

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 15/11/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Pembangunan pendidikan diberi perhatian serius

# Pembangunan pendidikan diberi perhatian serius

## Semakin banyak institusi pengajian tinggi awam, swasta dibangunkan di negeri ini



**TAHANIAH:** Tun Taib menyampaikan skrol kepada graduan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak Ke-20 semalam.

Oleh Rusnan Mustafa

**KOTASAMARAHAN:** Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian serius terhadap aspek pembangunan pendidikan di negeri ini.

Perkara itu ditegaskan Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-20 di Arena Gemilang DeTAR Putra di sini semalam.

Beliau memberitahu bukti komitmen itu, pada hari ini semakin banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta dibangunkan di negeri ini.

“Malah, kita juga berjaya membawa beberapa universiti terkemuka dari luar negara untuk membuka cawangan mereka di negeri ini.

“Usaha ini tidak hanya terhenti di situ, malah kita juga bercita-cita untuk membuka lebih banyak lagi universiti khususnya di bahagian-ba-

“Malah, kita juga berjaya membawa beberapa universiti terkemuka dari luar negara untuk membuka cawangan mereka di negeri ini.”

Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud  
Yang di-Pertua Negeri

hagian lain misalnya di Mukah dan Betong bagi memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke universiti,” katanya.

Sehubungan itu, Tun Taib berharap pembelajaran di peringkat universiti yang pada suatu masa dahulu sukar untuk dicapai akan menjadi lebih mudah untuk dinikmati rakyat di negeri ini.

Pada masa sama beliau menyarankan agar pihak universiti meneliti kembali penstruktur kurikulum dan bersedia menawar lebih banyak kursus yang berorientasikan teknikal yang mampu menyediakan

tenaga kerja di pelbagai sektor yang dikenal pasti seperti Koridor Tenaga Diperbaharu Sarawak (SCORE).

“Saya yakin sekiranya semua pihak memainkan peranan mereka dengan sebaik mungkin, kita mampu mencapai hasrat untuk memajukan negeri ini dalam pelbagai bidang,” tambahnya.

Justeru, beliau berharap para graduan tidak bersikap individualistik dan mendambakan kejayaan yang berbentuk materialistik.

“Saudara-saudari harus sedar bahawa anda bakal memikul tanggungjawab yang

lebih besar bukan sahaja kepada diri sendiri dan keluarga malah tanggungjawab ke atas masyarakat secara amnya,” ujarnya.

Terdahulu, Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, dalam menghasilkan graduan holistik, pihaknya sentiasa mengukuhkan kemahiran insaniah dan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, menurutnya lagi, UNIMAS juga komited dalam memartabatkan agenda pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di negeri ini menerusi kerjasama dengan pelbagai syarikat swasta dan industri termasuk Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS).

“UNIMAS turut mengambil inisiatif memperkasakan bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan dalam bidang STEM ini,” katanya.